

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
[ Pengerang ]**

**TARIKH : 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 6**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah nelayan-nelayan yang telah mengemukakan permohonan elaun sara hidup dan jumlah yang telah diluluskan di kawasan Parlimen Pengerang serta apakah kriteria diambil kira dalam proses pemutihan Kerajaan memandangkan ramai nelayan-nelayan gagal mendapat bantuan ini yang sangat bermakna bagi menampung perbelanjaan harian mereka.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Dalam usaha membantu menampung kenaikan kos sara hidup dan pendapatan nelayan yang tidak menentu, Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah memperuntukkan bantuan kepada nelayan melalui elaun sara hidup (ESH). Mulai tahun 2020, kadar bantuan ini telah dinaikkan kepada RM250 daripada RM200 sebulan pada tahun 2019 dan dijangka akan memanfaatkan seramai 37,000 pemilik vesel zon A dan awak-awak tempatan.

2. Merujuk kepada rekod Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), jumlah penerima ESH sedia ada di Parlimen Pengerang adalah seramai 309 orang. Daripada jumlah tersebut, 25 permohonan baru telah diterima dan diluluskan di Parlimen Pengerang bagi tempoh Januari hingga Ogos 2019.

3. Kementerian melalui LKIM telah menetapkan beberapa kriteria bagi proses pemutihan ESH dalam memastikan bantuan yang disediakan dapat diberikan kepada mereka yang benar-benar layak. Antara semakan kriteria tersebut adalah:

- Status keaktifan turun ke laut terutamanya bagi nelayan yang berumur 70 tahun ke atas dan nelayan wanita.
- Rekod pengisytiharan hasil tangkapan ikan bulanan.
- Rekod transaksi pembelian minyak diesel atau petrol bersubsidi.

4. Namun begitu, nelayan yang tidak lagi menerima bantuan ESH masih boleh mengemukakan rayuan untuk semakan semula dan dipertimbangkan berdasarkan kepada syarat kelayakan ESH yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.